



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 34  
No. 13

**28hb Jun 1990**

**TAMBAHAN No. 38  
PERUNDANGAN (A)**

**P.U. (A) 159.**

**AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980**

**PERINTAH AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 1990**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh perenggan 19A Jadual Pertama kepada Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut: akta 237.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan Jadual Pertama) 1990.** Nama.

2. Perenggan 2 Jadual Pertama kepada Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 adalah dipinda— Pindaan Jadual Pertama.

(a) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan (1) dengan noktah bertindih dan memasukkan selepas itu, proviso yang berikut:

“Dengan syarat bahawa jika seseorang yang menjadi Ahli atau Anggota untuk pertama kalinya pada atau selepas 1hb Julai 1990 berhenti menjadi Ahli atau Anggota apabila menyempurnakan tiga puluh enam bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira tetapi masih belum mencapai umur lima puluh tahun pada tarikh dia berhenti menjadi Ahli atau Anggota, dia boleh diberi pencen hanya apabila dia kemudiannya mencapai umur lima puluh tahun.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperenggan (2), subperenggan baru (2A) yang berikut:

“(2A) Dalam hal seseorang yang menjadi Ahli atau Anggota untuk pertama kalinya pada atau selepas 1hb Julai

1990 tetapi masih belum mencapai umur lima puluh tahun pada tarikh dia berhenti menjadi seorang Ahli atau Anggota, gaji di mana pencen akan diberi di bawah subperenggan (2) hendaklah gaji akhir yang telah disemak sebelum pencen itu diberi kepadanya.”.

Diperbuat pada 11hb Jun 1990.

[JPA/PEN. (Rahsia) 228/26/6-1; PN. (PU<sup>2</sup>) 369 Pt. II.]

Dengan Titah Perintah,

DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,  
*Setiausaha Jemaah Menteri*

**MEMBERS OF PARLIAMENT (REMUNERATION) ACT 1980**

**MEMBERS OF PARLIAMENT (REMUNERATION) (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 1990**

*Act 237.*

IN exercise of the powers conferred by paragraph 19A of the First Schedule to the Members of Parliament (Remuneration) Act 1980, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

*Citation.*

1. This Order may be cited as the **Members of Parliament (Remuneration) (Amendment of First Schedule) Order 1990**.

*Amendment of First Schedule.*

2. Paragraph 2 of the First Schedule to the Members of Parliament (Remuneration) Act 1980 is amended—

(a) by substituting for the full stop at the end of subparagraph (1) a colon and inserting thereafter the following proviso:

“Provided that where a person who becomes a Member for the first time on or after the 1st July 1990 ceases to be a Member upon completing thirty six months of reckonable service but has not attained the age of fifty years on the date he ceases to be a Member, he may be granted a pension only upon his thereafter attaining the age of fifty years.”; and

(b) by inserting after subparagraph (2) the following new subparagraph (2A):

“(2A) In the case of a person who becomes a Member for the first time on or after the 1st July 1990 but has not attained the age of fifty years on the date he ceases to be a Member, the salary on which a pension will be granted under subparagraph (2) shall be the last revised salary before the pension is granted to him.”.

Made the 11th June 1990.

[JPA/PEN. (Rahsia) 228/26/6-1; PN. (PU<sup>2</sup>) 369 Pt. II.]

By Command,

DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,  
*Secretary to the Cabinet*